



RETREAT MPK 2010 JADI PLATFORM STAF PAK

PERJELAS FUNGSI DAN TUGAS MASING-MASING

Penganjuran Retreat Manual Prosedur Kerja (MPK) 2010 oleh Perbadanan Aset Keretapi berjaya mencapai matlamatnya apabila setiap bahagian dan unit yang wujud di organisasi ini kini mengetahui dengan lebih jelas tugas dan fungsi masing-masing.

Dianjurkan di Corus Paradise Resort Port Dickson, Negeri Sembilan pada 5 hingga 7 Mac 2010, majlis itu dipengerusikan oleh Pengurus Besar PAK En. Abdul Kadir Ab Latiff dan dihadiri Pengurus Pentadbiran dan Kewangan En. Zuhair Jamaludin dan En. Mohamad Ridzuan Ismail selaku Pengurus Kanan Hartanah. Selain itu, semua ketua unit dan pegawai di bawah mereka turut hadir bagi memastikan

masing-masing memahami dan mengetahui peranan dan tugas mereka.

Retreat MPK 2010 yang julung-julung kalinya diadakan itu dimulakan dengan perbincangan dari Bahagian Pengurusan Hartanah yang menjadi 'core business' PAK. Perbincangan yang diketuai oleh En. Mohamad Ridzuan banyak menyentuh mengenai proses kerja yang terlibat dalam soal pembangunan yang dikendalikan Unit Pembangunan Hartanah dan pengurusan tanah-tanah keretapi yang dipertanggungjawabkan kepada Unit Pengurusan Hartanah.

Hari kedua penganjuran program dimulai dengan perbincangan dari Bahagian Khidmat Pengurusan, Unit Pentadbiran. Unit Kewangan pula mengambil alih sesi retreat pada sebelah petang dan pada sebelah malamnya perbincangan diteruskan dengan Unit Sistem

Maklumat dan diakhiri dengan Unit Hal Ehwal Korporat, iaitu dua unit baru yang ditubuhkan di PAK. Retreat MPK 2010 diakhiri dengan sesi penutup yang dipengerusikan oleh En. Abdul Kadir.

Dalam ucapannya, En. Abdul Kadir berharap agar setiap bahagian di PAK kini lebih jelas dengan skop kerja masing-masing berdasarkan perbincangan yang telah dibuat sepanjang retreat berlangsung. Beliau berkata, "Saya bersyukur kerana retreat ini saya kira berjaya mencapai matlamatnya dan semua pihak kini harus lebih peka dengan tugas dan tanggungjawab masing-masing selaras dengan pertambahan staf baru yang kita ada," katanya. En. Abdul Kadir juga berharap retreat seumpama ini akan dianjurkan setiap tahun bagi membolehkan proses penambahbaikan terhadap proses kerja setiap unit di PAK dapat dilakukan dari semasa ke semasa.

“ Mutiara Kata

Hidup memerlukan pengorbanan. pengorbanan memerlukan perjuangan. Perjuangan memerlukan ketabahan. Ketabahan memerlukan keyakinan. Keyakinan pula menentukan kejayaan. Kejayaan pula akan menentukan kebahagiaan. ”

Menarik di dalam...

3 RETREAT MPK 2010 PLATFORM PERJELAS FUNGSI DAN TUGAS MASING-MASING

RAC NAIB JOHAN KEJOHANAN BOLING KATEGORI WANITA PERINGKAT MOT 2009

5

9 PAK SAMBUT SERUAN ANJUR HARI INOVASI 2009





Kandungan

- 2 Sekapur Sirih Seulas Pinang
- 2 Dari Meja Editor
- 2 Hubungi Kami
- 3 Perihal PAK
- 4 Turun Padang
- 5-7 PAK Sana Sini
- 8 Puspanita@PAK
- 9 Makalah
- 10-11 Klik! Klik! / Relaks Minda
- 12 Senarai Hubungan

Perintis

HUBUNGI KAMI

Sidang redaksi mengalu-alukan komen, ulasan dan sumbangan daripada semua pembaca PERINTIS. Semua urusan surat-menyurat bolehlah diajukan kepada:

**Ketua Editor,
PERINTIS,**

**Unit Hal Ehwal Korporat,
Perbadanan Aset Keretapi (PAK)
Suite 3A-11, Aras 11, Blok 3A,
Plaza Sentral, Jalan Stesen Sentral 5,
50470 Kuala Lumpur.**

atau melalui email kepada salfarizan@rac.gov.my



DARI MEJA EDITOR

Assalamualaikum dan Salam 1Malaysia....

Alhamdulillah, setinggi-tinggi syukur dipanjatkan ke hadirat Allah kerana dengan limpah dan kurnia-Nya, PERINTIS berjaya dilahirkan buat pertama kali.

Sebagai 'anak sulung', interpretasi pembaca mengenai kandungan buletin ini sangat penting. Kehadiran buletin ini dengan pelbagai ruangan di dalamnya, sama ada yang menyentuh bidang tugas Perbadanan Aset Keretapi (PAK) atau warna hidup warga kerjanya diharap bertepatan dengan tujuan penerbitan buletin ini untuk menjadi wadah penyampai perkembangan semasa, isu-isu penting dan berita-berita terkini di PAK.

Adalah diharapkan, PERINTIS akan menjadi medan penyebaran info kepada orang ramai dan akhirnya dapat menyumbang ke arah mewujudkan PAK sebagai sebuah organisasi yang menepati objektif penubuhannya. Sehubungan itu, sumbangan dan komen membina daripada semua pihak amat dialu-alukan untuk memastikan penerbitan buletin ini terus relevan dan bermanfaat

Sekapur Sirih Seulas Pinang

Assalamualaikum dan Salam Perkenalan.... Memulakan operasinya pada 1 Ogos 1992, Perbadanan Aset Keretapi (PAK) ditubuhkan di bawah Akta Keretapi 1991 (Akta 463). Walaupun telah 18 tahun ditubuhkan, PAK masih belum dikenali ramai, malah masih ramai yang keliru mengenai fungsi PAK dengan peranan Keretapi Tanah Melayu Berhad (KTMB).

Bukan mahu meraih publisiti, kesedaran untuk memberitahu orang awam mengenai peranan yang dimainkan PAK dirasakan perlu apabila kepimpinan Perdana Menteri Y.A.B. Dato' Seri Mohd Najib Tun Abdul Razak amat menitik beratkan kepentingan rakyat melalui gagasan 1Malaysia: Rakyat Didahulukan, Pencapaian Diutamakan.

Justeru itu, penerbitan PERINTIS sebagai buletin PAK diharap dapat dijadikan wadah bagi membolehkan orang ramai mengetahui dengan lebih mendalam mengenai fungsi dan peranan PAK sebagai sebuah Badan Berkanun Persekutuan yang mengurus hal aset dan tanggungan liabiliti Keretapi Tanah Melayu (KTM) sebelum 1 Ogos 1992, selain bertanggungjawab dalam memaju dan memajukan semula infrastruktur keretapi serta membiayai pembangunan infrastruktur keretapi.

Selain itu, penerbitan buletin ini juga bertujuan untuk menguar-uarkan kepada orang ramai mengenai aktiviti yang dijalankan dan yang disertai staf PAK sama ada berkaitan dengan tugas hakiki ataupun bidang-bidang lain yang pastinya memberi implikasi yang besar terhadap organisasi ini. Semoga dengan penerbitan buletin ini, PAK akan lebih berdaya maju dan warga kerjanya akan lebih keratif dan berinovatif dalam melaksanakan tugas yang telah diamanahkan.

Selamat Maju Jaya
Abdul Kadir Ab Latiff
Pengurus Besar PAK



kepada masyarakat.

Sebagai pembuka selera pembaca sekalian, edisi pertama buletin kali ini akan memaparkan mengenai penganjuran Hari Inovasi PAK yang juga merupakan penganjuran buat julung-julung kalinya, diikuti dengan ruangan Perihal PAK yang akan memaparkan sejarah penubuhan PAK sebagai tanda pengenalan.

Dalam ruangan PAK Turun Padang, PAK Sana Sini dan Puspanita@PAK pula, pembaca akan disajikan dengan pelbagai aktiviti yang telah dilaksanakan warga kerja PAK dan sebagai penutup tirai ruangan Makalah, Klik-Klik dan Relaks Minda akan mengambil tempat.

Akhir kata, saya mengharapkan buletin ini akan dapat memberi manfaat dan infomasi berguna kepada pembaca sekalian.

Zuhair Jamaludin
Pengurus Pentadbiran dan Kewangan

MENGENALI PERBADANAN ASET KERETAPI



Perbadanan Aset Keretapi (PAK) merupakan sebuah Badan Berkanun Persekutuan di bawah Kementerian Pengangkutan Malaysia yang ditubuhkan di bawah Akta Keretapi 1991 (Akta 463), berkuatkuasa pada 1 Ogos 1992. PAK telah diwartakan melalui Warta Kerajaan No.16, Jilid 36 pada 30 Julai 1992 dan mula beroperasi secara rasminya sebagai sebuah organisasi pada 1 Ogos 1992 serentak dengan program pengkorporatan Keretapi Tanah Melayu (KTM) dengan dikenali sebagai Keretapi Tanah Melayu Berhad (KTMB). Dengan pengkorporatan tersebut, segala harta dan aset-aset keretapi dahulunya di bawah Pentadbiran Keretapi Tanah Melayu (KTM) yang telah dibubarkan dan tanah keretapi di bawah Pesuruhjaya Tanah Persekutuan (PTP) adalah terletak hak kepada PAK manakala operasi perkhidmatan keretapi dikendalikan oleh KTMB. Dalam erti kata lain, PAK merupakan sebuah agensi Kerajaan yang diwujudkan untuk bertindak sebagai 'caretaker' dan perancang perniagaan untuk menjaga dan menterjemahkan aset-aset keretapi kepada sesuatu harta yang bernilai dan mampu menjana pendapatan yang berterusan kepada Kerajaan. Keputusan Kerajaan untuk mengkorporatkan sistem Pengurusan KTM adalah untuk mengurangkan kebergantungan industri perkeretapian kepada Kerajaan sepenuhnya. Program pengkorporatan KTMB antara lainnya merupakan salah satu usaha untuk menjadikan KTMB sebagai sebuah syarikat yang berdaya saing serta setanding dengan penyedia perkhidmatan (service provider) keretapi milik swasta yang lain di Malaysia. Dengan terlaksananya program pengkorporatan ini, maka tugas dan tanggungjawab yang diberikan kepada PAK adalah seperti berikut:

- (i) Meletakkan pengurusan aset, hak dan liabiliti Pentadbiran Keretapi Tanah Melayu (KTM) sebelum 1 Ogos 1992 kepada PAK supaya syarikat pengganti iaitu Keretapi Tanah Melayu Berhad (KTMB) bebas daripada tanggungan hutang dan kos-kos bukan operasi yang membebankan;
- (ii) melaksanakan tanggungjawab memaju dan memajukan semula infrastruktur keretapi supaya syarikat pengganti iaitu KTMB dapat memberikan tumpuan sepenuhnya kepada operasi dan perkhidmatan keretapi di negara ini; dan
- (iii) membiayai pembangunan infrastruktur keretapi yang

telah dipertanggungjawabkan melalui sumber-sumber yang diperolehi daripada aktiviti-aktiviti penyewaan, pajakan dan peruntukan Kerajaan.

Pada masa ini, PAK diterajui oleh tujuh (7) orang Ahli Mesyuarat Lembaga Pengarah Bukan Eksekutif yang terdiri daripada wakil-wakil dari pelbagai Kementerian dan agensi-agensi. Seksyen 89(2) Akta Keretapi 1991, Akta 463 mensyaratkan anggota-anggota yang dilantik oleh Menteri Pengangkutan adalah seperti berikut:

- i) Seorang wakil Kementerian Pengangkutan;
- ii) Seorang wakil Perbendaharaan;
- iii) Seorang wakil Unit Perancang Ekonomi;
- iv) Pesuruhjaya Tanah Persekutuan;
- v) Pengurus Besar Perbadanan Aset Keretapi hendaklah menjadi anggota ex-officio; dan
- vi) tidak lebih daripada 2 orang anggota lain.

PAK sentiasa peka dengan keperluan sektor perkeretapian dan akan berusaha membantu Kerajaan, KTMB dan lain-lain syarikat keretapi di Malaysia dalam membangunkan infrastruktur keretapi. Untuk tujuan ini, PAK akan memastikan:

- i) permohonan pajakan tanah keretapi diuruskan dalam tempoh 90 hari.
- ii) permohonan sewaan tanah keretapi dan tumpangan lalu diproses dalam tempoh 60 hari.
- iii) perolehan dan pelupusan aset-aset infrastruktur keretapi melalui tender dan sebutharga diuruskan dalam tempoh 180 hari.
- iv) memproses permohonan pembangunan di atas tanah-tanah keretapi dalam tempoh 180 hari.

PAK adalah komited untuk melaksanakan dan menyediakan perkhidmatan yang memenuhi kehendak, kepuasan dan keceriaan pelanggan menerusi perkhidmatan yang berkualiti dan mematuhi akta dan peraturan yang telah ditetapkan dengan penglibatan semua warga kerja PAK. Pelaksanaannya adalah berasaskan kepada MS ISO 9001:2008 dengan menekankan kepada usaha-usaha penambahbaikan secara berterusan.



Lawatan tapak bagi cadangan pelepasan tanah di atas Lot 39 dan Lot 160 oleh Unit Pembangunan Hartanah



Lawatan tapak bagi tujuan kelulusan sewa di Rantau Panjang oleh Unit Pengurusan Hartanah



Lawatan tapak bagi cadangan pelepasan tanah di atas Lot 39 dan Lot 160 oleh Unit Pembangunan Hartanah



Lawatan tapak penyewaan di Mukim Rawang oleh Unit Pengurusan Hartanah



Lawatan tapak untuk penyewaan berhampiran stesen Bahau oleh Unit Pengurusan Hartanah



Lawatan tapak bagi tujuan pengesahan bangunan di Kg Dato Shariff Ahmad, Kuala Krau, Pahang oleh Unit Pengurusan Hartanah



Penyerahan notis di Kepong oleh Unit Pengurusan Hartanah

PAK SAMBUT SERUAN ANJUR HARI INOVASI 2009

November 2009.

Sementara itu, En. Mohamad Ridzuan bin Ismail, Pengurus Kanan Hartanah dalam ucapan perasmiannya menyeru setiap lapisan warga kerja PAK agar sentiasa berusaha untuk mempertingkatkan lagi mutu dan prestasi kerja masing-masing disamping menjaga imej organisasi.


Warga PAK kata beliau, mestilah menerapkan inovasi sebagai satu amalan di tempat kerja kerana ia secara langsung akan meningkatkan mutu kerja seseorang itu dan ini akan memberi impak positif bahawa penjawat awam mampu menjadi pekerja kelas pertama.

Beliau berkata warga PAK perlulah membudayakan pembelajaran yang berterusan bagi menghasilkan budaya kerja cemerlang dalam perkhidmatan awam dan sentiasa bekerja dalam semangat berpasukan. Dengan cara ini setiap warga PAK akan dapat melaksanakan tanggungjawab yang diberi dengan efisien dan efektif. Sebarang tindakan yang boleh menjejaskan semangat berpasukan tersebut kata En. Mohamad Ridzuan hendaklah dielakkan dan dijauhi demi menjaga reputasi dan imej PAK.

“Setiap warga di organisasi ini perlu ada perasaan tanggungjawab yang tidak berbelah bahagi dalam memelihara nama baik organisasi ini demi memastikan organisasi ini mendapat persepsi yang positif di mata masyarakat,” katanya.

Sambutan Hari Inovasi 2009 juga dimeriahkan dengan beberapa aktiviti antaranya Pertandingan Menaip Terpantas, Pertandingan Moto Hari Inovasi PAK, Pertandingan Meja Tercantik dan ceramah motivasi yang di sampaikan oleh Ustaz Wan Jaafar bin Wan Ahmad dari Institut Latihan Islam.

Di akhir majlis sambutan majlis penyampaian hadiah kepada pemenang-pemenang pertandingan yang terdiri daripada:



Perbadanan Aset Keretapi (PAK) telah mengadakan sambutan Hari Inovasi 2009 buat julung-julung kalinya bertempat di ibu pejabat PAK pada 24 November 2009 sejajar dengan saranan YAB Perdana Menteri Dato' Seri Mohd Najib Tun Abdul Razak yang meletakkan inovasi sebagai salah satu agenda utama Negara.

Pengurus Besar PAK, En. Abdul Kadir bin Ab Latiff dalam ucaptamanya berkata warga kerja PAK seharusnya bekerja bersama-sama dan berusaha memberikan kualiti kerja yang terbaik dalam setiap tugas demi menambahbaikan pengurusan PAK. “Pengurus yang berkesan akan berupaya menyelaraskan sumber tenaga manusia dan bahan yang ada dalam organisasinya bagi mencapai matlamatnya. Justeru itu, saya amat berharap semua staf sama ada yang baru atau lama agar dapat bekerjasama bagi memastikan apa yang kita gariskan terlaksana,” katanya.

Sehubungan itu, beliau mencadangkan agar diwujudkan beberapa jawatankuasa baru yang akan memacu ke arah kesempurnaan mutu kerja dan perkhidmatan di PAK antaranya mewujudkan Ahli Jawatankuasa AKRAB, Ahli Jawatankuasa Perekayasaan dan Ahli Jawatankuasa KIK.

Dalam majlis itu juga, Pengurus Besar PAK telah melancarkan ‘High Performance Culture’ khusus untuk kakitangan PAK sejajar dengan kehendak Y.B. Menteri Pengangkutan Dato’ Seri Ong Tee Keat semasa berucap pada Perhimpunan Bulanan pada 12

PERTANDINGAN MENAIP TERPANTAS

1. Pn. Norsaidatul Azrani bt Hamzah
2. Cik Nor Zawani bt Ab. Wahab
3. Pn. Normahinawati bt A.Ghaffar

PERTANDINGAN MEJA TERCANTIK

1. Cik Zaridah bt Ibrahim
2. En. Rosdan bin Ahmad
3. Pn. Maziana bt Jamaluddin

PERTANDINGAN MOTO HARI INOVASI PAK

1. Pn. Ane Salfarizan bt Mispani – Inovasi Penentu Daya Saing Organisasi
2. Cik Tan Lai Kum – Inovasi Menuju Arah Pembaharuan
3. Cik Zaridah bt Ibrahim – Pekerja Berinovasi Teras Negara Maju



SIMPOSIUM KEPIMPINAN WANITA HADHARI BANTU TINGKATKAN PERANAN WANITA DALAM ORGANISASI

Bermatlamat untuk meningkatkan kesedaran kaum wanita tentang peranan mereka dalam organisasi untuk membangunkan negara mengikut bidang tugas dan keupayaan masing-masing, memperkasa kepimpinan wanita dalam melaksanakan tugas dan amanah, satu simposium peringkat kebangsaan telah diadakan di Hotel Royal Bintang di Seremban, Negeri Sembilan bermula dari 23 hingga 25 November 2009.

Dihadiri kira-kira 60 pegawai peringkat Kumpulan Pengurusan dan Profesional, Simposium Kepimpinan Wanita Hadhari Peringkat Kebangsaan turut dihadiri dua wakil Perbadanan Aset Keretapi (PAK) iaitu Puan Ane Salfarizan Mispani dan Puan Noraini Sulaiman. Selain itu, simposium tersebut juga bertujuan untuk melahirkan pemimpin wanita yang mampu menjadi 'role model' dalam organisasi masing-masing serta memantapkan sahsiah dan memperkukuhkan integriti dalam kehidupan dan tugas pegawai-pegawai wanita peringkat Persekutuan dan Negeri.

Dianjurkan Bahagian Hadhari dan Pembangunan Insan, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM), simposium itu telah dirasmikan penutupnya oleh Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri Y.B. Dato' Dr Mashitah Ibrahim. Turut hadir pada majlis penutupan simposium itu ialah Ketua Pengarah JAKIM Dato' Haji Wan Mohamad Dato' Sheikh Abd Aziz.

Dalam ucapannya Y.B. Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri menegaskan apabila seseorang pemimpin wanita betul-betul menghayati semangat Islam Hadhari, maka wanita itu perlu membekalkan dirinya dengan ilmu dan pengalaman bagi memastikan ia mampu memimpin orang-orang di bawahnya. Beliau menambah



dengan adanya ilmu dan pengalaman, wanita akan mampu menjadi pemimpin yang profesional dan berintegriti semasa menjalankan tugasnya.

Sepanjang tiga hari simposium ini berlangsung, minda para peserta telah dihidangkan dengan ceramah-ceramah yang membina dan berkesan daripada para ilmuan terkemuka antaranya Y.Bhg. Prof Dato' Dr. Mohd. Yusof Othman dari Institut Islam Hadhari, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Y.Bhg. Prof Madya Dr. Arip bin Kosmo dari UKM, Y.Bhg. Prof. Madya Dr. Halina Halizah bt Siraj dari UKM, Y.Bhg. Tuan Haji Abdul Rahim bin Mohd. Noor dari MAMPU dan Y.Bhg. Us. Zamri bin Shafik dari JAKIM. Ceramah-ceramah yang disampaikan berkisar mengenai isu kepimpinan dan integriti wanita dalam organisasi.

Bagi menyemarakkan lagi simposium ini, turut diadakan satu diskusi gagasan 1Malaysia dengan tajuk "Konsep dan Penghayatan" dengan barisan panel terdiri daripada Y.Bhg. Dato' Kamilia bt Ibrahim (Ahli Majlis Kebangsaan Islam Malaysia), Y.B. Tuan Japferi bin Othman (Exco Kerajaan Negeri Perlis) dan Y.Bhg. Prof Dato' Dr. Ismail bin Ibrahim (Institut Islam Hadhari, UKM) dan Y.Bhg. Prof Madya Datin Noor Aziah bt Haji Mohd Awal (UKM) sebagai moderator.

RAC NAIB JOHAN KEJOHANAN BOLING KATEGORI WANITA PERINGKAT MOT 2009

Oleh: Normahinawati A. Ghaffar

PUTRAJAYA: Pn. Norsaidatul Azrani Hamzah berjaya mengharumkan nama Perbadanan Aset Keretapi (PAK) apabila berjaya menjadi naib johan bagi kategori perseorangan wanita Kejohanan Bowling peringkat Kementerian Pengangkutan Malaysia (MOT) pada 13 Disember 2009.

Bertempat di pusat beli-belah Alamanda, Putrajaya, seramai 90 orang staf MOT dan Jabatan serta Agensi di bawah Kementerian telah beraksi di kejohanan tersebut yang dibahagikan kepada kategori berkumpulan wanita, perseorangan wanita, berkumpulan lelaki dan perseorangan lelaki.

Pn Norsaidatul Azrani berjaya menjatuhkan 391 jatuhan pin sekaligus mengesahkan kedudukan beliau sebagai naib johan kejohanan tersebut. Tempat pertama bagi kategori itu diungguli Pn Zainon Shah dari MOT dengan 459 jatuhan pin manakala tempat ketiga dimenangi oleh Pn Aimah juga dari MOT dengan 378 jatuhan pin.

Sementara itu, Kumpulan Mawar Biru dari MOT berjaya menjuarai kategori berkumpulan wanita dengan 1082 jumlah jatuhan pin. MOT terus melebarkan sayapnya apabila tempat kedua dan ketiga kejohanan turut dirangkul MOT menerusi Kumpulan Suam-Suam Kuku (1064 jatuhan pin) dan Kumpulan Sailor Moon dengan 942 jatuhan pin.

Bagi kategori perseorangan lelaki, MOT terus mendominasi

kejohanan dengan merebut kesemua tiga tempat teratas menerusi En. Anuar Che Mat (499 jatuhan pin), En. Syed Norahimi (492 jatuhan pin) dan En. Abdul Rahman Daud (489 jatuhan pin). Sementara Kumpulan G Kew (1388 jatuhan pin), Kumpulan Rock Star (1,277 jatuhan pin) dan Kumpulan Road Star (1232 jatuhan pin), kesemuanya dari MOT, memonopoli kesemua tempat teratas bagi kategori berkumpulan lelaki.

Walaupun kesemua kejuaraan kejohanan ini dimonopoli staf dari MOT, warga kerja daripada Jabatan dan Agensi lain di bawah Kementerian turut menunjukkan semangat juang yang jitu dengan masing-masing mempamerkan aksi terbaik mereka pada perlawanan tersebut.

Hadiah disampaikan oleh Timbalan Ketua Setiausaha (Operasi) Kementerian Pengangkutan Dato' Yap Kian Sian dan Pengurus Besar PAK, En. Abdul Kadir bin Ab. Latiff.



Pn Norsaidatul Azrani (tengah) diapit dua lagi wakil PAK iaitu Encik Ab Aziz Abdullah (kiri) dan Encik Mohd Ghazali Aman (kanan)

PERHIMPUNAN BULANAN SULUNG TAHUN 2010

Y.B. Timbalan Menteri Pengangkutan Y.B. Dato' Seri Abdul Rahim Bakri mahu semua warga kerja Kementerian Pengangkutan menjadikan tahun 2010 sebagai tahun untuk meningkatkan kreativiti dan inovasi agar tahap perkhidmatan yang diberikan selari dengan kehendak rakyat.

Beliau berkata penjawat awam merupakan jentera penting Kerajaan dalam menentukan kejayaan sesebuah Negara. Oleh itu, penjawat awam katanya perlu bekerja keras untuk mencapai enam Bidang Keberhasilan Utama Negara (NKRA) yang telah ditentukan Kerajaan.

"Pengenalan Program Transformasi Kerajaan merupakan amanah yang perlu digalas bersama bagi memastikan Petunjuk Prestasi Utama (KPI) yang telah ditetapkan dapat dicapai selaras dengan hasrat Kerajaan untuk merealisasikan gagasan 1Malaysia: Rakyat Didahulukan, Pencapaian Diutamakan," katanya dalam ucapannya sempena Perhimpunan 1Kementerian, Kementerian Pengangkutan di Putrajaya pada 7 Disember 2010.

Perhimpunan itu merupakan perhimpunan pertama yang diadakan untuk tahun 2010 dihadiri warga kerja Kementerian termasuk kakitangan daripada Agensi dan Jabatan. Turut hadir Ketua Setiausaha Kementerian Pengangkutan Dato' Seri Haji Zakaria Haji Bahari.

Penekanan itu menurut Y.B. Timbalan Menteri Pengangkutan khusus untuk warga kerja Kementerian yang mana Menteri Pengangkutan Y.B. Dato' Seri Ong Tee Keat merupakan menjadi Menteri pendahulu NKRA melalui NKRA: Pengangkutan Awam Bandar.

Katanya melalui makmal KPI yang diwujudkan di peringkat Kementerian, NKRA yang telah ditetapkan kepada Kementerian dapat diselesaikan dengan praktikal, murah dan berkesan tanpa adanya pembaziran sumber. Sementara itu, Y.B. Timbalan Menteri Pengangkutan berkata Kementerian telah menggariskan dua Bidang Keberhasilan Utama Kementerian (MKRA) iaitu meningkatkan tahap keselamatan jalan raya agar jumlah kematian akibat kemalangan dapat dikurangkan dan meningkatkan mutu pengangkutan awam bagi memastikan keselesaan kepada pengguna darat, udara dan maritim.

"Kementerian mensasarkan jumlah pengguna pengangkutan awam di Negara ini meningkat di antara 16 peratus hingga 22 peratus. Di Hong Kong jumlah pengguna pengangkutan awamnya adalah sebanyak 90 peratus begitu juga di Taiwan yang mencapai tahap 80 peratus."

"Walaupun sasaran peningkatan jumlah pengguna pengangkutan awam di Negara

ini secara relatifnya kecil, saya percaya jumlah itu mampu dicapai," katanya.

Beliau berkata pihak Kerajaan menyedari bahawa kos untuk menyediakan pengangkutan awam yang baik dan efisien adalah tinggi, tetapi beliau menegaskan adalah tidak salah untuk Negara mencontohi sistem pengangkutan awam di negara-negara maju kerana ia mampu mendatangkan kesejahteraan kepada rakyat.

Beliau turut mengingatkan warga Kementerian mengenai amanat Ketua Setiausaha Negara Y.Bhg. Tan Sri Mohd Sidek bin Haji Hassan yang mahu penjawat awam memberikan perkhidmatan yang cemerlang kepada orang ramai dengan cara menyegerakan tindakan terhadap aduan yang disampaikan bagi memastikan imej dan kredibiliti Kerajaan terpelihara.

"Kita mesti mempunyai "time frame" apabila kita terima sesuatu aduan. Perkara ini telah dikaji. Kita mesti selesaikan sesuatu aduan dalam tempoh satu jam paling cepat," katanya.

Y.B. Timbalan Menteri Pengangkutan mengakhiri ucapannya dengan menekankan mengenai perbelanjaan berhemah yang perlu dilakukan Kerajaan memandangkan kini ekonomi negara di peringkat pemulihan.

PAK LANTIK STAF JADI AHLI AKRAB

Pelaksanaan Rakan Pembimbing Perkhidmatan Awam (AKRAB) di setiap Kementerian merupakan sebahagian daripada aplikasi psikologi dalam intervensi dan pelaksanaan Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 1 Tahun 1999 iaitu Panduan Mewujudkan Perkhidmatan Kaunseling Di Agensi Awam. Melalui pekeliling ini setiap kementerian dan jabatan diharapkan dapat menubuhkan unit perkhidmatan kaunseling secara formal dan terancang.

Jesteru itu, Perbadanan Aset Keretapi (PAK) telah menghantar dua kakitangannya untuk mengikuti Kursus Kaunseling di Talent Enhancement Academy, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) anjuran UKM Holdings sebagai persediaan untuk menjadi ahli AKRAB.

Kursus tiga hari dari 8 hingga 10 Disember 2009 itu bertujuan untuk membantu peserta menguasai prinsip-prinsip dan kemahiran asas membantu diri dan orang lain. Pengetahuan dan kemahiran asas kaunseling yang diperolehi dapat dimanfaatkan oleh berbagai-bagai pihak dalam berbagai-bagai situasi.

Selain itu, tujuan kursus ini diadakan supaya pengurus dalam organisasi dapat meningkatkan hubungannya dengan pekerja dan

membantu mereka menjadi lebih dedikasi, yakin diri dan mencapai kepuasan kerja, ibu bapa dan anggota keluarga dapat mengeratkan hubungan kekeluargaan, individu dapat meningkatkan komunikasi yang berkesan serta kemesraan sesama rakan sebaya, disamping meningkatkan keyakinan diri dalam interaksi seharian.

Dua orang ahli akademik iaitu Prof. Madya. Dr. Wan Abdul Kader Wan Ahmad dan Prof Madya Dr Fatimah Yusoff kedua-duanya dari UKM dipertanggungjawabkan untuk memberi kursus kepada seramai 25 peserta kursus ini. Antara tajuk yang disentuh Perkhidmatan Kaunseling, Proses Kaunseling, Teori-teori Kaunseling, Kemahiran Mendengar (Lisan), Kemahiran Mendengar (Bukan Lisan) dan Latihan Kemahiran.

Peserta-peserta yang mengikuti kursus ini bukan sahaja didedahkan dengan ilmu kaunseling secara teori, malah latihan kaunseling secara praktikal turut diadakan pada hari terakhir kursus.

CARTA ORGANISASI PUSPANITA@PAK



Puan Rohani binti Harun Pengerusi PUSPANITA PAK

Assalamualaikum w.b.k...

Salam perkenalan. Terlebih dahulu, ingin saya memanjatkan kesyukuran kepada Allah S.W.T dan menunjukan penghargaan saya kepada Pengurus Besar PAK, En. Abdul Kadir bin Ab. Latiff yang telah memberi secebis ruang kepada persatuan ini untuk menghebahkan aktiviti melalui PERINTIS.

Tujuan utama buletin ini diwujudkan adalah untuk berkongsi maklumat mengenai PAK dan aktiviti-aktiviti yang dilakukan warga kerjanya kepada orang ramai dan untuk memenuhi tuntutan itu, PUSPANITA melalui ruangan PUSPANITA@PAK akan sedaya upaya menguar-uarkan aktiviti kami untuk dikongsi bersama pembaca khususnya ahli-ahli PUSPANITA Cawangan Kementerian Pengangkutan.

Selain itu, dengan adanya ruangan PUSPANITA@PAK ini, ahli-ahli PUSPANITA dapat menonjolkan kebolehan dan kemahiran diri dan semangat kerjasama melalui pelbagai program yang disertai sama ada di peringkat Jabatan ataupun Kementerian.

Akhir kata daripada saya, jadikanlah persatuan ini sebagai "platform" untuk membantu menaikkan imej PAK. Sekian terima kasih.



Wakil DCA menerima sijil penyertaan daripada wakil Jabatan Laut Semenanjung Malaysia selepas berakhirnya Bengkel Keterampilan dan Kecantikan.



Peserta-peserta PAK yang menyertai Bengkel Keterampilan dan Kecantikan bergambar dengan Pengarah Urusan Addura Marketing (M) Sdn. Bhd., Zarina Zainuddin.



Wakil PAK menerima sijil penyertaan daripada wakil Jabatan Laut Semenanjung Malaysia. selepas berakhirnya Bengkel Keterampilan dan Kecantikan.



Para peserta Puspanita PAK yang menyertai Pertandingan Poco-Poco dan Nyanyian Solo memberikan pose menarik selepas acara penyampaian hadiah.

Bengkel Ketrampilan

- Program** : Bengkel Ketrampilan
- Tarikh** : 9 April 2010
- Masa** : 8.00 pagi – 5.00 petang
- Tempat** : Dewan Auditorium, Institut Latihan Pentadbiran dan Pengurusan Pengangkutan Laut, Jabatan Laut Semenanjung Malaysia.
- Penceramah** : Puan Zarina Zainuddin, Syarikat Addura Marketing (M) Sdn Bhd
- Anjuran** : Biro Keretampilan, PUSPANITA Kementerian Pengangkutan

- Program** : Pertandingan Poco-Poco dan Nyanyian Solo PUSPANITA Kementerian Pengangkutan
- Tempat** : Kompleks D, Kementerian Pengangkutan
- Tarikh** : 23 Oktober 2009

Pemenang:

- Pertama** : Jabatan Pengangkutan Jalan Wilayah Persekutuan
- Kedua** : Jabatan Penerbangan Awam
- Ketiga** : Perbadanan Aset Keretapi

1 MALAYSIA

Sumber: Bahagian Penerbitan Dasar Negara, Jabatan Penerangan Malaysia

Semua kaum perlu menganggap bahawa mereka adalah bangsa Malaysia yang berfikir dan bertindak dalam satu nada dan satu matlamat di mana segalanya perlu dinikmati secara bersama. Ciri-ciri demografi seperti negeri, daerah, kaum, agama dan budaya wajar dihindari bagi mewujudkan satu bangsa Malaysia yang berfikiran terbuka serta ingin memajukan negara secara bersama. Malaysia adalah negara kita di mana tidak ada masyarakat atau kaum yang akan dipinggirkan daripada menikmati pembangunan dan mendapat pembelaan.

Dalam menghadapi cabaran globalisasi yang melanda dunia, seluruh rakyat Malaysia tanpa mengira keturunan dan anutan agama, perlu berfikir dan bertindak ke arah mencapai satu matlamat yang sama iaitu membina sebuah negara yang lebih maju, selamat, aman dan makmur serta mampu bersaing dengan masyarakat lain di dunia.

Bagi melahirkan Bangsa Malaysia yang lebih berdaya tahan, Perdana Menteri Y.A.B. Dato' Sri Mohd Najib Tun Abdul Razak memperkenalkan Konsep 1Malaysia yang berpaksikan prinsip 'Rakyat Didahulukan, Pencapaian Diutamakan'. Konsep ini bertepatan dengan cita rasa dan realiti rakyat Malaysia yang berbilang kaum dan ia sejajar dengan peruntukan yang termaktub dalam Perlembagaan Persekutuan dan Prinsip Rukun Negara. 1 Malaysia diwujudkan bagi meningkatkan penghayatan rakyat pelbagai kaum dan agama terhadap aspek perpaduan nasional. Ia bertindak sebagai pemangkin kepada pewujudan negara bangsa yang dapat membina Malaysia menjadi negara yang mempunyai sikap kesamaan dan kekitaan di kalangan rakyat. 1Malaysia membawa aspirasi untuk meningkatkan hubungan kaum bagi memastikan rakyat Malaysia dapat menjalin perpaduan yang lebih erat. Perpaduan adalah senjata utama dalam menghadapi pelbagai ancaman dan cabaran yang bertujuan mengganggu gugat kesejahteraan negara. 1Malaysia akan menjadikan Malaysia sebuah negara yang lebih aman, stabil dan maju dalam segenap bidang serta disegani di seluruh dunia.

3 Prinsip Teras 1 Malaysia

1Malaysia disandarkan kepada 3 teras dalam memperkukuhkan perpaduan nasional iaitu:

1. Prinsip Penerimaan
2. Prinsip Kenegaraan
3. Prinsip Keadilan Sosial

Prinsip Penerimaan

Prinsip penerimaan bererti walaupun rakyat Malaysia terdiri daripada pelbagai kaum yang mempunyai cara hidup, amalan dan kebudayaan yang berbeza, tetapi kita menerima antara satu sama lain sebagai rakan setia.

Prinsip Kenegaraan

Konsep perpaduan, semangat nasionalisme dan cintakan negara telah diterapkan semenjak dahulu lagi oleh pemimpin-pemimpin terdahulu. Tunku Abdul Rahman melalui Parti Perikatan yang dipimpinnya dengan dibantu oleh Tun Tan Cheng Lock dan Tun V.T Sambanthan berjuang bagi mendapat kemerdekaan dan kebebasan daripada penjajah British untuk Tanah Melayu. Tun Abdul Razak pula mengilhamkan Rukun Negara dan Dasar Ekonomi Baru (DEB) bertujuan untuk menyatupadukan rakyat berbilang kaum di negara ini. Tun Hussein Onn pula sememangnya terkenal dengan usaha-usaha yang dilakukan untuk memupuk perpaduan di kalangan rakyat sehingga diberi gelaran 'Bapa Perpaduan'. Tun Dr. Mahathir Mohamad dan Tun Abdullah Hj Ahmad Badawi pula membawakan wawasan 2020 dan konsep Cemerlang, Gemilang dan Terbilang sebagai gagasan untuk memupuk perpaduan di kalangan rakyat berbilang kaum di negara ini.

Prinsip Keadilan Sosial

Setiap kaum di negara ini tanpa mengira latar belakang atau agama diberi keadilan yang sebaik mungkin dari segi kebajikan dan aspek-aspek sosial yang penting. Melalui Konsep 1Malaysia, setiap wakil rakyat bertindak melepasi sempadan kaum masing-masing dan melebarkan khidmat mereka kepada kaum-kaum lain. Namun begitu Konsep 1Malaysia yang mempunyai prinsip keadilan social bukanlah platform bagi mana-mana pihak untuk membuat tuntutan yang keterlaluan.

8 Nilai 1 Malaysia

Budaya Kecemerlangan

Setiap rakyat dan pemimpin perlulah mengamalkan budaya cemerlang dan berprestasi tinggi. Budaya cemerlang perlu dilaksanakan secara berterusan dengan mementingkan prestasi sebagai pengukuran tahap pencapaian atau kemajuan. Kejayaan serta pencapaian masyarakat dan negara bergantung pada setakat mana budaya kecemerlangan diamalkan oleh rakyatnya. Pengamalan budaya cemerlang akan membawa Malaysia ke tahap kejayaan serta pencapaian yang lebih tinggi.

Ketabahan

Rakyat Malaysia perlu tabah menghadapi dugaan dan cabaran untuk kejayaan diri dan negara. Penggembleran semangat

bekerja keras, dedikasi serta tabah menghadapi segala rintangan dan dugaan adalah ramuan terbaik mencapai sesuatu matlamat. Kesungguhan dan komitmen terhadap tugas dan tanggungjawab menjadi asas atau senjata paling ampuh dalam mencapai sesuatu kejayaan. Negara memerlukan rakyat yang berdedikasi dan komited untuk melaksanakan tugas dan tanggungjawab dengan penuh iltizam, azam dan tekad demi kepentingan dan kemajuan negara.

Rendah Hati

Sifat rendah hati amat digalakkan dalam ajaran Islam. Begitu juga dengan budaya dan sifat merendah diri. Sifat rendah hati dan rendah diri yang dimaksudkan bukanlah bererti kita tunduk atau mengalah dengan orang lain. Ia bermakna kita tidak menunjukkan kemampuan dan kebolehan yang dimiliki dengan cara yang tidak disukai oleh orang lain. Sifat berhemah dan berbudi bahasa amat perlu menjadi amalan hidup kita.

Penerimaan

Malaysia memerlukan rakyat yang dapat menerima apa jua perkara baik dan telah mendapat persetujuan bersama. Penerimaan semua kaum untuk mendapatkan yang terbaik amat diperlukan bagi membina sebuah negara bangsa.

Kesetiaan

Rakyat Malaysia perlu mengutamakan kesetiaan dan kepentingan kepada negara mengatasi kesetiaan kepada kaum dan kelompok sendiri. Kesetiaan yang wujud antara satu sama lain akan membina kepercayaan serta menjalin satu ikatan peribadi yang erat antara rakyat berbilang kaum di negara ini.

Meritokrasi

Dalam melaksanakan prinsip meritokrasi, pemilihan berasaskan prestasi dan budaya cemerlang akan memaksimumkan potensi Malaysia dalam semua bidang.

Pendidikan

Pendidikan dan ilmu pengetahuan adalah asas kekuatan dan ketahanan masyarakat dalam menjadikan Malaysia sebuah negara maju dan mampu terus bersaing di peringkat global.

Integriti

Nilai integriti penting untuk mendapat kepercayaan dan keyakinan rakyat. Nilai ini perlu diamalkan oleh semua pihak daripada pemimpin sehingga peringkat akar umbi tanpa mengira kedudukan. Kepentingan negara perlu diletakkan paling atas mengatasi segala kepentingan lain.

Rileks Minda

Sila cari perkataan tersembunyi di bawah:

K	W	F	N	G	I	E	G	N	F	X	L	I	F	O	R	O	L	K	Y
T	I	S	A	R	A	P	N	A	X	K	E	A	D	U	Y	K	J	O	P
K	C	U	A	P	E	M	A	N	G	S	A	I	O	Y	Z	X	S	M	E
Z	E	Y	R	E	H	X	Z	A	I	P	I	R	S	S	C	D	F	E	M
U	P	H	A	N	K	C	S	K	T	E	L	E	C	M	M	A	P	N	U
C	E	A	H	G	N	L	M	A	I	S	I	T	A	Z	T	L	O	S	L
Y	R	V	I	G	O	C	E	M	N	I	T	K	K	A	S	A	P	A	I
C	S	N	L	U	D	X	T	I	U	S	P	A	R	I	I	M	U	L	H
J	A	V	E	N	E	F	S	A	M	G	E	B	S	E	M	S	L	I	A
C	I	Q	M	A	L	X	I	T	O	W	R	E	M	A	B	E	A	S	R
X	N	H	E	S	I	S	S	N	K	E	T	S	M	Q	I	K	S	M	A
O	G	K	P	O	T	B	O	A	T	N	I	A	G	R	O	I	I	E	A
K	A	S	E	G	O	Y	K	R	I	L	L	N	V	T	S	T	K	R	N
S	N	W	N	N	K	V	E	S	A	I	U	A	W	I	I	A	E	P	G
I	G	Q	G	A	O	V	O	U	A	R	G	W	U	N	S	R	B	S	S
G	R	Z	E	K	N	T	T	M	U	Y	P	Y	T	A	T	I	B	A	H
E	G	H	L	I	O	U	W	B	I	O	D	I	V	E	R	S	I	T	I
N	Z	A	U	F	M	F	B	I	A	R	U	G	N	E	P	V	U	J	F
Z	T	N	A	M	F	I	B	I	A	N	Q	T	I	H	Q	J	F	A	U
M	E	V	R	Z	K	M	H	K	N	E	N	F	Q	Z	S	Y	M	S	R

ALAMSEKITAR, AMFIBIA, BAKTERIA, BIODIVERSITI, BURUNG, EKOSISTEM, FOTOSINTESIS, HABITAT, IKAN, INVERTERBRATA, KLOROFIL, KOMENSALISME, KOMUNITI, MAMALIA, MONOKOTILEDON, MUTUALISME, OKSIGEN, PARASIT, PEMANGSA, PEMELIHARAAN, PEMULIHARAAN, PENGELUAR, PENGGUNA, PENGURAI, PERSAINGAN, POPULASI, RANTAIMAKANAN, REPTILIA, SIMBIOSIS, SPESI



Pengantin : Hasmaliana Hashim dan Syarinal Putra Bujang
Tarikh : 14 Mac 2010
Tempat : Felda Belitong, Kluang, Johor

Pengantin : Shela Saari dan Abby Hazrin Ibrahim
Tarikh : 19 Mac 2010
Tempat : Taman Bukit Kepayang, Seremban, Negeri Sembilan

Pengantin : Nor Zawani Abdul Wahab dan Norisham Abdul Mutalib
Tarikh : 1 Mei 2010
Tempat : Kampung Bukit Cempaka, Batu Rakit, Terengganu



Cara Menyediakan:

1. Rebus ayam dengan 10 cawan air selama 30 minit. Angkat biarkan sejuk dan asingkan isi ayam. Tulang ayam simpan dahulu.
2. Kulit & kepala udang digoreng hingga kekuningan/ caramelised. Masukkan ke dalam air rebusan ayam & rebus untuk 15 minit atau lebih.
3. Keluarkan kulit & kepala udang daripada air rebusan dan masukkan tulang ayam dan teruskan merebus. Kulit & kepala udang dikisar dengan 1 -2 cawan air dan masukkan dalam air rebusan.
4. Guna minyak yang digunakan untuk menggoreng kulit udang tadi untuk menumis bahan-bahan yang dikisar. Tumis hingga keluar minyak dan naik bau kemudian tuangkan dalam air rebusan.
5. Masukkan udang yang sudah di buang kulit. Imbang rasa kuah dengan garam & gula/perasa. Jika nak sedikit pekat boleh tambah 2 sudu besar tepung jagung. Tambah air jika perlu.
6. Hidangkan dengan sawi/kangkung, taueh yg dicelur, tauhu goreng, telur rebus, daun sup & daun bawang, cili potong & bawang goreng.

Bahan-bahan (10 orang)

- 2 paket mee kuning - dicelur
- 1/2 kilo udang - asingkan kulit & kepala
- 1/2 ekor ayam
- Bahan-bahan untuk dikisar
- 2 biji bawang besar
- 4 ulas bawang merah
- 4 ulas bawang putih
- 1 inci halia
- 8 - 10 tangkai cili kering

My Resepi



Cara Menyediakan:

1. Rebus bahan A hingga lembut. Masukkan ke dalam mangkuk. Gaulkan dengan separuh bahan kisar, bahan B dan bahan C, masak selama setengah jam.
2. Panaskan setengah cawan minyak dalam kualiti dan goreng bahan perap hingga garing dan ketepikan.
3. Panaskan setengah cawan minyak dalam kualiti. Tumis kulit kayu manis dan lebihan bahan kisar, lebihan bahan B serta lebihan bahan C, hingga naik bau.
4. Masukkan air asam jawa, kerisik dan santan. Kacau rata hingga mendidih.
5. Masukkan ayam yang digoreng tadi. Kacau balikkan dan tabur dengan bawang goreng. Hidangkan.

Petikan: www.sajionline.com.my

Bahan A:

- 300 gm paru
- 250 gm hati lembu
- 250 gm daging lembu

Bahan B:

- 1/2 cawan kicap manis
- 1/2 cawan cili kisar

BAHAN C:

- 3 sudu besar sos tomato
- 3 sudu besar sos cili
- 3 sudu besar sos tiram
- 2 sudu besar madu

BAHAN KISAR:

- 1 labu bawang besar
- 10 ulas bawang merah
- 4 ulas bawang putih
- 3 cm halia
- 2 cm kunyit
- 2 batang serai
- Minyak
- 1 cawan santan
- Kulit kayu manis
- 3 sudu besar kerisik
- Garam
- 2 sudu besar air asam jawa
- 1 cawan bawang goreng

KEMENTERIAN PENGANGKUTAN MALAYSIA

Y.Bhg. Dato' Long See Wool
Ketua Setiausaha
Kementerian Pengangkutan Malaysia

Y.Bhg. Dato' Yap Kin Sian
Timbalan Ketua Setiausaha (Operasi)
Kementerian Pengangkutan Malaysia

Y.Bhg. Datuk Hj. Kamaruzaman bin Hj. Mohd Noor
Timbalan Ketua Setiausaha (Perancangan)
Kementerian Pengangkutan

Blok D5, Kompleks D,
Pusat Pentadbiran Kerajaan
Persekutuan,
62616 Putrajaya, Malaysia.
Tel: 03-8886 6000
Faks: 03-8889 1569

PERBADANAN ASET KERETAPI

Encik Abdul Kadir Ab Latiff
Pengurus Besar

Perbadanan Aset Keretapi
Suite 3A-11, Tingkat 11, Blok 3A,
Plaza Sentral, Jalan Stesen Sentral 5,
50470 Kuala Lumpur.
Tel: 03 - 2780 5601
Faks: 03 - 2780 5607

JABATAN PENGANGKUTAN JALAN

Y.Bhg. Dato' Haji Solah Mat Hasan
Ketua Pengarah

Jabatan Pengangkutan Jalan
Aras 1-5, Blok D4, Kompleks D,
Pusat Pentadbiran Kerajaan
Persekutuan 62620 Putrajaya
Tel: 03 - 88866400
Faks: 03 - 88889645

JABATAN PENERBANGAN AWAM

Y.Bhg. Dato' Azharuddin Abdul Rahman
Ketua Pengarah

Jabatan Penerbangan Awam
No. 27, Persiaran Perdana,
Tingkat 1 - 4, Blok Podium, Presint 4,
62618 Putrajaya
Tel: 03 - 8871 4000
Faks: 03 - 8890 1640

JABATAN LAUT MALAYSIA

Y.Bhg. Dato' Kaptan Ahmad bin Othman
Ketua Pengarah

Jabatan Laut Malaysia
Ibu Pejabat Laut, Peti Surat 12,
Jalan Limbungan, 42007 Pelabuhan
Klang, Selangor.
Tel: 03-3346 7777
Faks: 03-3168 5289

JABATAN KESELAMATAN JALAN RAYA

Y.Bhg. Datuk Suret Singh
Ketua Pengarah

Jabatan Keselamatan Jalan Raya
Aras 2, Blok D5, Kompleks D
Pusat Pentadbiran Kerajaan
Persekutuan 62616 Putrajaya,
Malaysia
Tel: 03-88866287
Faks: 03-88886720

JABATAN KERETAPI MALAYSIA

Encik Hj Anuar Bin Kassim
Ketua Pengarah

Jabatan Keretapi Malaysia, Aras 13,
Menara Dayabumi Jalan Sultan
Hishamuddin 50050 Kuala Lumpur
Tel: 03-22781222
Faks: 03-22721900

LEMBAGA PELABUHAN KLANG

Encik Kee Lian Yong
Pengurus Besar

Lembaga Pelabuhan Klang
Beg Berkunci 202, Jalan Pelabuhan
Utara 42005 Pelabuhan Kelang,
Selangor
Tel: 03 - 31688211
Faks: 03 - 31670211

LEMBAGA PELABUHAN BINTULU

Encik Hamdan bin Abdul Hamid
Pengurus Besar

Lembaga Pelabuhan Bintulu
Bintulu Port Authority, Tingkat 8, 9 dan
10, Menara Kidurong,
Batu 12, Jalan Tanjung Kidurong,
Peti Surat 296, 97007 Bintulu,
Sarawak
Tel: 086-253888
Faks: 086-251876

LEMBAGA PELABUHAN KUANTAN

Y.Bhg. Dato' Khairul Anuar bin Abdul Rahman
Pengurus Besar

Lembaga Pelabuhan Kuantan.

Tanjung Gelang, Peti Surat 161,
25720 Kuantan, Pahang Darul
Makmur, Malaysia.
Tel: 09- 585 8000
Faks: 09 - 583 3866

LEMBAGA PELABUHAN JOHOR

Encik Nik Aziz Bin Nik Hussain
Pengurus Besar

Lembaga Pelabuhan Johor,
Johor Port Authority, 6A1-8A1 Pusat
Perniagaan Pasir Gudang, Jalan
Bandar, 81700 Pasir Gudang,
Johor Darul Takzim.
Tel: 07-2534000
Faks: 07-2517684

SURUHANJAYA PELABUHAN PULAU PINANG

Encik Noor Ariff bin Yusoff
Pengurus Besar

Suruhanjaya Pelabuhan Pulau Pinang,
3A-6, Bangunan Sri Weld,
Pangkalan Weld, 10300 Pulau Pinang,
Pulau Pinang.
Tel: 04-263 3211
Faks: 04-262 6211

INSTITUT PENYELIDIKAN KESELAMATAN JALAN RAYA (MIROS)

Y. Bhg. Prof. Dr. Ahmad Farhan Mohd
Sadullah
Ketua Pengarah

Institut Penyelidikan Keselamatan
Jalan Raya, Lot 125-135, Jalan TKS 1,
Taman Kajang Sentral,
43000 Kajang,
Selangor Darul Ehsan,
Tel: 03 - 8924 9200
Faks: 03 - 8733 2005

INSTITUT MARITIM MALAYSIA (MIMA)

Y. Bhg. Dr. Pola Singh
Ketua Pengarah

Institut Maritim Malaysia,
B-06-08 Megan Avenue II,
12, Yap Kwan Seng,
50450 Kuala Lumpur.
Tel: 03 - 2161 2960
Faks: 03 - 2161 4035